



# *HOME WORKING*

*“Menjana Pendapatan Melalui Homeworking”*

Diterbitkan oleh:

**IBU PEJABAT JABATAN TENAGA KERJA  
SEMENANJUNG MALAYSIA  
ARAS 5 BLOK D3 PARCEL D  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62530 PUTRAJAYA**

## Isi Kandungan

<b>Pendahuluan</b>	<b>1</b>
<b>Garis Panduan Program Home Working</b>	<b>2</b>
• Tujuan	2
• Rasional	2
• Definisi	3
<b>Status Pekerjaan</b>	<b>4</b>
<b>Kaedah-Kaedah Program <i>Home Working</i></b>	<b>4</b>
<b>Kontrak Kerja</b>	<b>4</b>
<b>Kontrak Persetujuan</b>	<b>6</b>
<b>Peranan Jabatan Tenaga Kerja</b>	<b>7</b>
<b>Peranan Syarikat</b>	<b>7</b>
<b>Peranan Peserta dan Pihak Ketiga</b>	<b>8</b>
<b>Penutup</b>	<b>8</b>

## PENDAHULUAN

Garis panduan ini disediakan adalah untuk memberi maklumat dan meletakkan prinsip-prinsip asas serta panduan kepada Syarikat dan para peserta terhadap amalan program *Home Working* demi menyumbang ke arah kesejahteraan ekonomi keluarga dan pembangunan Negara amnya.

Penerbitan Garis Panduan ini merupakan satu gabungan usaha Kementerian Sumber Manusia khususnya Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia untuk menggalakkan amalan *Home Working* di kalangan ***Ibu tunggal, Suri rumah, OKU dan keluarga miskin*** yang digolongkan sebagai *tenagakerja luar ( outside labour force )*. Bagi menjayakan usaha ini, penyertaan syarikat-syarikat atau pengusaha disektor swasta di seluruh negara adalah amat digalakan agar memanfaatkan sepenuhnya gunatenaga berkenaan .

Langkah mempromosikan Program *Home Working* ini mempunyai empat (4) objektif utama, iaitu:-

- i) Untuk meningkatkan kesedaran masyarakat korporat tentang tanggungjawab sosial mereka terhadap *Ibu tunggal, Suri rumah, OKU dan keluarga miskin*, dan seterusnya menggiatkan usaha untuk menaiktaraf hidup mereka.
- ii) Memberi kesedaran kepada orang ramai bahawa semua anggota masyarakat mempunyai hak-hak tertentu dalam bidang pekerjaan.
- iii) Memberi alternatif kepada pihak syarikat untuk mendapatkan pekerja dan pada akhirnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.
- iv) Memupuk semangat kesedaran di kalangan *Ibu tunggal, Suri rumah, OKU dan keluarga miskin* untuk melengkapkan diri dengan keupayaan, kelayakan dan kemahiran untuk bersaing di sektor pekerjaan agar dapat bersama menyumbang ke arah pembangunan negara.

Diharapkan agar usaha-usaha murni yang telah dirintis ini akan dapat mendorong para usahawan dan syarikat tampil ke hadapan bagi menyahut seruan Kerajaan untuk sama-sama menyokong menjayakan program *Home working* ini.

## **GARIS PANDUAN PROGRAM HOME WORKING**

### **TUJUAN**

1. Tujuan garis panduan ini adalah untuk meletakkan prinsip-prinsip asas amalan Program *Home Working* dan memberi panduan yang praktikal kepada syarikat, peserta dan pihak-pihak yang berkaitan dalam melindungi kepentingan masing-masing.

### **RASIONAL**

2. Penggajian secara *Home Working* telah pun mula dipraktikkan di negara-negara maju dan menjadi perbincangan di peringkat ILO sejak tahun 1995 lagi. Jelas terbukti ia berkesan dalam memberi peluang kepada lebih ramai rakyat terutama wanita dan suri rumah untuk menambah pendapatan keluarga dan menyumbang kepada guna tenaga negara.

3. Secara umumnya, penggajian melalui *Home working* telah lama diamalkan oleh masyarakat di Malaysia sebagai satu alternatif bagi memperluaskan peluang pekerjaan supaya pekerjaan tidak terhad kepada penggajian secara formal sahaja. Namun demikian, proses kerja yang diamalkan selama ini dijalankan secara tidak sistematik. Justeru, sebagai satu langkah proaktif Kementerian Sumber Manusia berusaha untuk mempromosikan konsep *Home Working* ini agar diterima dengan lebih meluas. Bagi merealisasikan objektif berkenaan, satu garis panduan program *Home Working* disediakan bagi memastikan penggajian *Home Working* dijalankan secara lebih berkesan dan sistematik.

4. Sebarang usaha yang dijalankan bagi membantu suri rumah, ibu tunggal, Orang Kurang Upaya (OKU) serta keluarga miskin melalui program ini tidak akan bermakna tanpa kerjasama dan sokongan padu daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dan yang paling utama syarikat-syarikat atau pengusaha-pengusaha agar program tersebut dapat mencapai objektif yang dihasratkan.

## DEFINISI

5. Bagi tujuan Garis Panduan ini, *Home Working* bermakna:  
***“kerja-kerja yang ditawarkan oleh syarikat sama ada secara langsung atau melalui pihak ketiga, yang dijalankan secara individu atau kumpulan di premis yang tertentu yang digunakan untuk menjalankan operasi pekerjaan.”***
  
6. Kumpulan sasar dalam Program Home Working ini adalah terdiri daripada:
  - I. Suri rumah
  - II. Ibu Tunggal
  - III. Orang Kurang Upaya
  - IV. Keluarga miskin.
  
7. Jenis-jenis pekerjaan atau pun perusahaan yang boleh dilaksanakan secara *Home Working* adalah seperti berikut:-
  - a. Jahitan
  - b. Kraftangan
  - c. Hasil Asas Tani
  - d. Makanan
  - e. Produk Herba
  - f. Kemasukan Data/ Menaip
  - g. Pembungkusan (*Pack and Unpack*)
  - h. Pembuatan
  - i. Pemasangan
  - j. Lain-lain yang bersesuaian.
  
8. Premis pekerjaan yang digunakan untuk menjalankan kerja-kerja *Home Working* adalah rumah kediaman atau pusat komuniti atau balai raya atau rumah kedai atau mana-mana bangunan yang ditetapkan oleh kedua-dua pihak.

## **STATUS PEKERJAAN**

9. Peserta yang terlibat dalam pekerjaan secara *Home Working* ini adalah bukan ditakrifkan sebagai seorang pekerja di bawah Akta Kerja 1955 dan tidak layak menerima sebarang faedah statutori seperti di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 .

## **KAEDAH-KAEDAH PROGRAM *HOME WORKING***

*Home Working* adalah terbahagi kepada tiga (3) kaedah iaitu:

**i) Kerja secara individu**

Kerja-kerja yang dijalankan di rumah kediaman peserta di mana mereka mengambil sendiri bahan-bahan dan peralatan dari syarikat serta berurusan terus bagi segala urusan termasuk pembayaran upah.

**ii) Kerja secara berkumpulan.**

Kerja-kerja yang dijalankan di premis yang tertentu secara berkumpulan dan diselia oleh ketua yang dilantik untuk mengurus, menyelia dan seterusnya berurusan dengan syarikat berkaitan dengan pekerjaan mereka termasuk urusan pembayaran upah.

**iii) Kerja secara individu atau kumpulan melalui pihak ketiga.**

Kerja-kerja yang dijalankan di premis yang tertentu sama ada secara individu atau berkumpulan melalui pihak ketiga. Segala urusan berkaitan dengan pekerjaan mereka termasuk pembayaran upah adalah di bawah tanggungjawab pihak ketiga.

## KONTRAK KERJA

11. Sebelum kerja-kerja dimulakan, satu kontrak kerja hendaklah disediakan antara pihak syarikat, individu atau kumpulan dan pihak ketiga jika berkaitan.
  
12. Kontrak kerja boleh berasaskan kepada bentuk-bentuk berikut:
  - i. Kontrak antara syarikat dan individu;
  - ii. Kontrak antara syarikat dan kumpulan;
  - iii. Kontrak antara syarikat dan pihak ketiga;
  - iv. Kontrak antara pihak ketiga dan individu; dan
  - v. Kontrak antara pihak ketiga dan kumpulan.
  
13. Perkara-perkara yang perlu dimasukkan dalam kontrak kerja adalah seperti berikut:
  - i. Persetujuan Bersama.**

Menyatakan persetujuan terima antara syarikat dan individu atau kumpulan individu terhadap konsep dan pelaksanaan program ini.
  
  - ii. Upah**

Menyatakan dengan jelas nilai upah dan cara pembayaran sama ada mengikut kadar *piece rate* atau secara pukal atau insentif berasaskan pencapaian.
  
  - iii. Kuantiti dan Kualiti**

Menetapkan spesifikasi kuantiti dan kualiti hasil kerja dalam tempoh masa yang dikehendaki.
  
  - iv. Keselamatan dan Kerosakan**

Menetapkan tanggungjawab menjaga keselamatan bahan produk, peralatan dan premis serta keselamatan peserta.

**v. Kos Operasi**

Menetapkan penanggung kos-kos utiliti yang digunakan dalam menjalankan kerja termasuklah sewa bangunan, elektrik, air, pengangkutan bahan produk serta kos-kos lain yang berkaitan.

**vi. Penyelenggaraan Barang-barang**

Menyatakan cara-cara penyelenggaraan peralatan dan barang-barang oleh kedua-dua pihak.

**vii. Perbekalan Barang-barang**

Menyatakan cara-cara peralatan dan barang-barang dibekalkan ke premis.

**viii. Penamatan Kontrak Kerja**

Menetapkan cara dan tempoh masa bagi menamatkan kontrak kerja.

**ix. Pemungkiran Kontrak**

Menyatakan spesifikasi langkah-langkah yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang pemungkiran kontrak.



## **KONTRAK PERSETUJUAN**

14. Bagi **kerja-kerja yang dijalankan secara berkumpulan**, satu kontrak persetujuan antara ahli-ahli kumpulan hendaklah dibentuk. Perkara-perkara yang perlu dimasukkan dalam kontrak persetujuan tersebut adalah:

**i. Persetujuan Pelantikan Wakil Kumpulan Atau Ketua**

Menyatakan persetujuan untuk melantik wakil kumpulan atau ketua yang menjalankan tugas-tugas penyeliaan dan berurusan dengan syarikat.

**ii. Pembayaran Upah**

Menyatakan cara pembayaran upah sama ada secara terus daripada syarikat atau melalui wakil kumpulan, termasuk menetapkan bayaran elaun penyeliaan kepada wakil kumpulan atau ketua jika perlu.

**iii. Pembahagian dan Jadual Kerja**

Menetapkan cara pembahagian kerja dan jadual kerja antara ahli kumpulan.

**iv. Pemungkiran Kontrak**

Menyatakan spesifikasi langkah-langkah yang boleh diambil sekiranya berlaku sebarang kemungkiran kontrak.

## **PERANAN JABATAN TENAGA KERJA**

15. JTK adalah berperanan untuk :-

- (i) mendaftarkan suri rumah, ibu tunggal, OKU dan keluarga miskin yang berminat untuk menyertai program ini.
- (ii) menggalakkan penglibatan syarikat untuk menjayakan program ini.
- (iii) mencari bangunan yang sesuai untuk dijadikan premis bagi program ini sekiranya melibatkan sekumpulan peserta.
- (iv) menguruskan urusan pelantikan wakil atau ketua kumpulan.
- (v) menjalankan penilaian dan pemantauan ke atas program ini dari masa ke masa.

## **PERANAN SYARIKAT**

16. Syarikat adalah berperanan untuk :-

- (i) menawarkan kerja yang sesuai dengan kemampuan peserta
- (ii) memberi latihan yang sewajarnya kepada peserta sebelum menjalankan tugas.
- (iii) menyediakan kontrak kerja
- (iv) membayar upah mengikut masa yang ditetapkan dalam kontrak kerja.
- (v) menyediakan peralatan kerja, jika perlu

- (vi) menyelenggara rekod-rekod pembayaran
- (vii) memberi maklumbalas kepada JTK jika perlu.

#### **PERANAN PESERTA DAN PIHAK KETIGA**

17. Peserta dan pihak ketiga adalah bertanggungjawab untuk memberi komitmen yang tinggi sebagaimana yang dipersetujui di dalam kontrak kerja.

#### **FAEDAH KEPADA SYARIKAT**

18. Syarikat-syarikat yang menyertai program ini secara tidak langsung telah menjalankan tanggungjawab sosial kepada golongan sasaran disamping menerima faedah-faedah seperti berikut:
- i. Syarikat tidak perlu untuk mencarum EPF
  - ii. Syarikat tidak perlu untuk mencarum PERKESO
  - iii. Memperolehi potongan cukai secara *single deduction* bagi upah yang dibayar kepada pekerja-pekerja selain daripada OKU. Manakala bagi penggajian OKU, syarikat akan memperoleh potongan cukai berganda.

#### **PENUTUP**

19. Diharapkan garis panduan ini menjadi sumber rujukan bagi menjayakan Program *Home Working* supaya program ini dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan seterusnya menjana pendapatan para peserta di samping membantu majikan memenuhi tanggungjawab sosial mereka.